



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 2/2026

MENTERI KEWANGAN melalui perenggan 34(3)(a) dan 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran dan pengenaan cukai perkhidmatan (CP) **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS KERJA-KERJA PEMBINAAN YANG DILAKSANAKAN DI BANGUNAN KEDIAMAN YANG TELAH SIAP DIBINA

Kumpulan L, Jadual Pertama

Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Apa-apa perkhidmatan kerja pembinaan yang dilaksanakan ke atas bangunan kediaman yang telah siap dibina dikecualikan daripada pengenaan dan pembayaran cukai perkhidmatan dalam tempoh sebelum pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 diluluskan dan diwartakan: (a) Penghuni atau pemilik bangunan kediaman dikecualikan daripada membayar CP ke atas perkhidmatan kerja pembinaan yang dilaksanakan pada bangunan kediaman yang telah siap dibina berdasarkan subseksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan (b) Penyedia perkhidmatan dikecualikan daripada mengenakan dan memungut CP ke atas perkhidmatan kerja pembinaan yang dilaksanakan pada bangunan kediaman yang telah siap dibina berdasarkan subseksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.	(a) Penghuni atau pemilik bangunan kediaman atau penyedia perkhidmatan kerja pembinaan yang dilaksanakan pada bangunan kediaman yang telah siap dibina hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut: (i) Penyedia perkhidmatan hendaklah merupakan orang berdaftar cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan L; (ii) Penyedia perkhidmatan kerja pembinaan hendaklah memperolehi dokumen daripada penghuni atau pemilik bangunan kediaman seperti berikut: - Hakmilik strata atau hakmilik individu; - Perjanjian Jual Beli di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966; - Bil utiliti bangunan kediaman; - Pelan bangunan kediaman yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; atau - Dokumen lain yang diiktiraf bagi membuktikan bangunan tersebut adalah bangunan kediaman;



BIL.	PENGECCUALIAN	SYARAT-SYARAT
		(iii) Nama dan alamat bangunan kediaman penerima perkhidmatan hendaklah dinyatakan dalam invois; (iv) Pengecualian ini boleh digunakan terus secara pematuhan sendiri (<i>self-compliance</i>); dan (v) Penyedia perkhidmatan hendaklah patuh kepada apa-apa ketetapan umum yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.
2.	Orang berdaftar yang telah mengenakan dan memungut CP ke atas perkhidmatan kerja pembinaan pada bangunan kediaman yang telah siap dibina boleh membuat tuntutan pembayaran balik (<i>refund</i>) atas CP yang telah diikrar dan dibayar.	(a) Tuntutan bayaran CP telah diikrar dalam penyata SST-02 dan dibayar kepada JKDM; (b) Tuntutan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 30 Jun 2026; dan (c) Tuntutan tersebut hendaklah dibuat oleh penyedia perkhidmatan kerja pembinaan selepas memulang semua amaun CP yang telah dipungut kepada penerima perkhidmatan kerja pembinaan.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**